

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN ANTOLOGI PUISI 'POTRAITS OF A NATION'
DI BANQUET DECK TH03, MENARA KL
7 OKTOBER 1999

Assalamu'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

YB Dato' Sri Ram Sarma Ketua Pegawai Eksekutif Saron Corporation Sdn Bhd

Yang berusaha ahli-ahli jawatankuasa majlis Tetamu jemputan / Tuan-tuan dan puan-puan

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian pihak pengurusan Saron Corporation Sdn Bhd menjemput saya bersama-sama hadir ke majlis pelancaran antologi puisi 'Potrait of A Nation'.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada Saron Corporation di atas daya usaha menerbitkan antologi puisi ini, khusus mengenai perdana menteri yang amat kita kasihi, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Kesungguhan pihak penerbitan menerbitkan antologi puisi ini amat bermakna, lebih-lebih lagi ia ditulis di dalam bahasa Inggeris. Ini juga membolehkan masyarakat antarabangsa memahami dengan lebih mendalam maksud-maksud yang ingin disampaikan melalui sajak-sajak ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kita merasa amat bertuah kerana dapat tinggal di dalam sebuah negara yang merdeka dan rakyatnya hidup aman damai. Sejak selepas negara mencapai kemerdekaan, ekonomi negara terus berkembang pesat dan menjadi tumpuan negara-negara luar. Kita juga begitu bertuah kerana dianugerahkan pemimpin yang bijak, berwawasan sehingga berjaya menempatkan negara sejajar dengan negara-negara maju yang lain.

4. Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh negara pada hari ini banyak bergantung kepada sokongan padu seluruh rakyat negara ini dan para pemimpin negara. Kita begitu bangga apabila mendapat seorang pemimpin seperti YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa bekerja keras memajukan negara bukan sahaja di rantau asia tetapi juga di seluruh dunia.

5. Kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh perdana menteri menjadikan beliau antara pemimpin paling popular dan sering menjadi tumpuan di dunia.

6. Pelbagai buku dan sajak telah ditulis oleh penulis- penulis tempatan khususnya mengenai sejarah hidup dan juga kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh beliau. Buku-buku ini juga nanti akan menjadi satu bahan rujukan sejarah mengenai perdana menteri yang amat kita kasihi.

7. Saya juga berpendapat, penerbitan antologi puisi 'Potrait of A Nation' ini juga turut menambahkan lagi bilangan koleksi rujukan khususnya kepada para pelajar dan juga masyarakat luar. Antologi puisi 'Potrait of A Nation' ini memuatkan

sebanyak 23 buah puisi. Sajak- sajak ini menceritakan mengenai kegigihan, kecekalan, serta kesungguhan YAB Perdana Menteri dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan dihormati dunia.

8. YAB Perdana Menteri juga telah berjaya meletakkan nama Malaysia sebaris dengan negara-negara maju di dunia bukan sahaja dari segi politik dan juga ekonomi, malah juga di bidang kesukanan dan sebagainya. Dengan semangat 'Malaysia Boleh' dan dorongan dari para pemimpin, rakyat negara ini berjaya mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

9. Antologi puisi ini juga turut merakamkan koleksi gambar-gambar kenangan YAB Perdana Menteri bersama kejayaan Malaysia. Saya juga berharap, antologi puisi ini akan menjadi salah satu koleksi untuk bahan rujukan sejarah kecemerlangan politik negara di peringkat dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian pihak Saron Corporation Sdn Bhd menjemput saya ke majlis ini. Akhir sekali, saya dengan ini, merasmikan pelancaran antologi puisi 'Potrait of A Nation' dengan rasminya.

Terima kasih.